

03 JAN, 2021

Kampung Muara Tebas akan terus dibangunkan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Kampung Muara Tebas akan terus dibangunkan

.....
'AINI 'AFIFAH HAFIZ

KUCHING: Kampung Muara Tebas yang mempunyai banyak kawasan menarik akan terus dibangunkan bagi membantu membangunkan ekonomi penduduk setempat.

Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Dato' Sri Nancy Shukri berkata, inilah peluang yang diambil masyarakat tempatan untuk melawat kawasan menarik yang ada di negeri Sarawak seperti Kampung Muara Tebas ini.

"Kuil ini telah wujud di Kampung Muara Tebas sejak beratus tahun lagi.

"Kewujudan kuil ini melambangkan komuniti di sini yang bersatu padu kerana kawasan ini merupakan kawasan Melayu tetapi kuil ini adalah milik Cina," jelasnya.

"Namun, Melayu dan Cina boleh bekerjasama dalam menjaga kuil ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui selepas mengadakan lawatan



LAWATAN... Dato' Sri Nancy Shukri dan Dr Hazland Abang Hipni mengadakan lawatan ke Kuil Chin San Yen di Kampung Muara Tebas, baru-baru ini.

ke Kuil Chin San Yen di Kampung Muara Tebas, baru-baru ini.

Menurutnya, perancangan strategik yang dibawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Demak Laut, Dr Hazland Abang Hipni membolehkan kawasan di Kampung Muara Tebas ini dibangunkan bagi memelihara kawasan bersejarah sekali gus


membantu membangunkan ekonomi penduduk dengan kehadiran pelancong.

"Kita mahu menarik ramai lagi kehadiran pelancong terutama sekali masyarakat Sarawak itu sendiri," katanya.

"Batu Nibung yang bersejarah serta kepelbagaian makanan laut yang ada di Kampung Muara Tebas turut menjadi salah satu

tarikan pelancong," maklumnya.

Terdahulu, beliau dan Dr Hazland telah melawat Pasar Tani Nelayan Kampung Muara dan diikuti jeti Kampung Muara Tebas serta Kuil Ching San Yen bagi melihat nilai sejarah yang berusia 200 tahun sebelum menjamu selera di Restoran Sin Soon Lee Seafood.



03 JAN, 2021

Kampung Muara Tebas akan terus dibangunkan

Mingguan Sarawak, Malaysia

SUMMARIES

KUCHING: Kampung Muara Tebas yang mempunyai banyak kawasan menarik akan terus dibangunkan bagi membantu membangunkan ekonomi penduduk setempat. Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Dato' Sri Nancy Shukri berkata, inilah peluang yang diambil masyarakat tempatan untuk melawat kawasan menarik yang ada di negeri Sarawak seperti Kampung Muara Tebas ini."Kuil ini telah wujud di Kampung Muara Tebas sejak beratus tahun lagi.